KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA
# KPWKM

## LAPORAN HARIAN JUMAAT, 22 OGOS 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




22/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **KONTROVERSI PROGRAM EHATI: KPWKM SEDIA HULUR KAUNSELING KEPADA PESERTA!** | | **POSITIF** |
| | https://ohmedia.my/trending/kontroversi-program-ehati-kpwkm-sedia-hulur-kaunseling-kepada-peserta/ | OHMEDIA.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KELANTAN FAMILY BOARD BLAMES INFLUENCERS FOR FUELLING CHILD-FREE TREND AMONG YOUNG COUPLES** | | **NEUTRAL** |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/08/21/kelantan-family-board-blames-influencers-for-fuelling-child-free-trend-among-young-couples/188378 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/08/ideologi-kahwin-tanpa-anak-di-kelantan-membimbangkan/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **PERMUDAH BANTUAN KEBAJIKAN, PASTIKAN TIADA YANG TERCICIR DI REMBIA** | | **POSITIF** |
| | https://www.melakahariini.my/permudah-bantuan-kebajikan-pastikan-tiada-yang-tercicir-di-rembia/ | MELAKAHARIINI.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **JKM MELAKA BERI BANTUAN BULANAN KEPADA MOYANG JAGA ENAM CICIT** | | **POSITIF** |
| | https://www.melakahariini.my/jkm-melaka-beri-bantuan-bulanan-kepada-moyang-jaga-enam-cicit/ | MELAKAHARIINI.MY | |




22/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **KL RAMPS UP EFFORTS TO TACKLE HOMELESSNESS** | | POSITIF |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/08/1263259/kl-ramps-efforts-tackle-homelessness | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **56 PERATUS WANITA ALAMI DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA – ANFAAL** | | NEGATIF |
| | https://malaysiatribune.news/berita-semasa/56-peratus-wanita-alami-diskriminasi-di-tempat-kerja-anfaal/ | MALAYSIATRIBUNE.NEWS | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **ORIENTASI: ANTARA NORMALISASI BULI DAN HARAPAN PERUBAHAN** | | POSITIF |
| | https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolum/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/orientasi-antara-normalisasi-buli-dan-harapan-perubahan | BERITA.RTM.GOV.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **KENALI BAHAYA SENYUMAN SI PEMBULI ELAK JADI MANGSA** | | POSITIF |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2025/08/kenali-bahaya-senyuman-si-pembuli-elak-jadi-mangsa/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **KES DERA KANAK-KANAK: PENGASUH, SUAMI DIBEBASKAN** | | NEUTRAL |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/744498/berita/semasa/kes-dera-kanak-kanak-pengasuh-suami-dibebaskan | SINARHARIAN.COM.MY | |




22/8/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **BAYI MAUT DIDERA, PASANGAN SUAMI ISTERI DITUDUH SEBABKAN KECEDERAAN FIZIKAL** | | **NEGATIF** |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254886/bayi-maut-didera-pasangan-suami-isteri-dituduh-sebabkan-kecederaan-fizikal | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/am/bfokus/news.php?id=2458991 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.tvsarawak.my/2025/08/21/suami-isteri-mengaku-tidak-bersalah-abai-kanak-kanak-lelaki/ | TVSARAWAK.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/08/21/bapa-ibu-tiri-bayi-mati-penuh-kesan-lebam-dituduh-laku-pengabaian/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/suami-isteri-mengaku-tak-bersalah-abai-anak-menyebabkan-kecederaan-fizikal/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/crime_courts/news.php?id=2459001 | BERNAMA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **LELAKI DIPENJARA 5 TAHUN, SEBATAN KERANA CABUL ANAK ASUHAN** | | **POSITIF** |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/lelaki-dipenjara-5-tahun-sebatan-kerana-cabul-anak-asuhan/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/08/1254970/lelaki-dijel-5-tahun-sebatan-kerana-cabul-anak-asuhan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/08/1436245/lelaki-dipenjara-5-tahun-sebatan-kerana-cabul-anak-asuhan-isteri | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **AMANG SEKSUAL ANAK TIRI: TEMPOH PENJARA TUKANG KIMPAL DIKURANGKAN** | | **NEUTRAL** |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2459290 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/744517/berita/semasa/amang-seksual-anak-tiri-tempoh-penjara-tukang-kimpal-dikurangkan | SINARHARIAN.COM.MY | |






TRENDING

# Kontroversi Program eHati: KPWKM Sedia Hulur Kaunseling Kepada Peserta!

Program eHati cetus kontroversi selepas didakwa ada unsur seksual dan ritual pelik. KPWKM sedia tawar kaunseling, JAIS pula mula siasat penganjur.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tampil memberi respon berhubung kontroversi program motivasi rumah tangga eHati yang hangat diperkatakan sejak kebelakangan ini.

Menurut laporan Buletin TV3, pihaknya bersedia menawarkan khidmat kaunseling kepada mana-mana individu yang terjebak dalam program tersebut dan perkara ini dikatakan sendiri Timbalan Menteri, Datuk Seri Noraini Ahmad.

> *Selalunya kalau ada kes-kes macam itu, kalau ada laporan pada kementerian maka pertamanya kita akan ada kaunseling yang dilaksanakan oleh kaunselor di bawah KPWKM.*

> *Namun, setakat ini saya belum dapat laporan terperinci mengenai perkara itu.*

## Ada unsur seksual dan ritual pelik?



Program eHati mencetuskan kemarahan ramai selepas didakwa menyelitkan unsur seksual dalam aktiviti yang dihadiri sekitar 50 wanita di Shah Alam.

Lebih mengejutkan, program itu juga dikatakan mengandungi beberapa ritual yang bercanggah dengan akidah Islam, sehingga mencetuskan desakan orang ramai agar pihak berkuasa mengambil tindakan segera.

## JAIS mula jalankan siasatan



Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar memaklumkan bahawa JAIS akan memanggil pasangan penganjur program berkenaan untuk memberi keterangan.

Katanya, siasatan segera perlu dilakukan bagi memastikan tidak ada sebarang penyelewengan atau ajaran yang boleh menjejaskan akidah umat Islam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | I'M NOBODY'S CHILD, NOBODY WANTS ME | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | THE STAR |
| TARIKH : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT : | 06 |
| TONE : | NEUTRAL | SEKTOR : | KPWKM |

# I'm nobody's child, nobody wants me

## Lack of proper paperwork sees drastic drop in adoption

By FAZLEENA AZIZ
and DIVYA THERESA RAVI
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** *Just like a flower, I'm growing wild;*

*No mommy's kisses and no daddy's smile;*

*Nobody wants me, I'm nobody's child.*

Those are the lyrics of the song *Nobody's Child*, sung by Hank Snow in the late 1940s and made famous by Karen Young and the Beatles in the 60s.

Today, those words ring true for many abandoned children in the country. No one seems to want them.

In 2024, only around 4% (178) of 4,126 abandoned children were adopted, a 50% drop from 2023 when 8% out of 3,064 children were adopted, the Welfare Department (JKM) has revealed.

This year, only nine have been adopted, said the department's director-general Datuk Che Murad Sayang Ramjan.

One of the main challenges, he said, is the absence of a birth certificate if they are not legally registered by their parents.

Without information about their parents or next of kin, it is difficult to determine who has legal custody, raising legal issues in matters of custody, adoption, or relocation.

"This also leads to an unclear citizenship status. These children, whose parents are unidentified or are immigrants, are at risk of becoming stateless.

"Without a birth certificate or MyKid/MyKad, it is difficult for them to access public services such as education and healthcare. So, the children drop out of the formal education system.

"Abandoned children of unknown origin also face social stigma or often face discrimination.

"They face risks of abuse and exploitation, physical/emotional abuse or sexual or labour exploitation. They can even becomes victims of human trafficking," he said.

In order to ensure the fundamental right of children to grow up in a safe and stable family environment, tracing their parents or guardians remains important, which is why JKM issues notices to search for them.

The notice, Che Murad said, allow authorities to assess whether the relatives are fit to care for the child.

In addition, tracing the kin also assists in verifying the identity and citizenship status of the child, which is essential for access to education, healthcare and legal protection, he said.

"More importantly, it saves the children from being permanently placed in welfare institutions which may affect their psychosocial development," he said.

Che Murad said the Women, Family and Community Development Ministry, through JKM, plays an important role in protecting these children by providing physical support such as safe shelter and basic amenities.

"Their educational needs are also cared for through placement in institutions that provide formal learning opportunities and vocational skills.

"There are also counselling services, psychological therapy and intervention programmes to help them recover from trauma and build self-confidence.

Last year, lawmakers unanimously approved the Constitution (Amendment) Bill 2024.

The age limit for citizenship applications has been reduced from 21 to 18, which many non-profit organisations said will affect stateless children.

Under the amendment, any newborn child found abandoned in any place will be presumed, until proven otherwise, to have been born in that location and that the mother is a citizen.

However, the law has yet to be gazetted.

### SOP when a child is abandoned or left without a guardian

**1 Complaint Received**
When the public finds an abandoned child and reports it to the hospital or other agencies, a police report will be made and JKM alerted.

**2 Rescue and Temporary Custody**
The child will be taken to the hospital for examination or treatment if needed, to ensure there are no signs of abuse or health issues. Within 24 hours, the child will be placed under temporary custody through a court order, which may include placement in a welfare home.

**3 Tracing Next-of-Kin/Guardian**
JKM will trace and check the background of the child's parents, guardian or next-of-kin. If successfully tracked, an assessment will be made to determine their eligibility to care for the child.

**4 Placement of the Child**
If no suitable next-of-kin is found, the child will be placed in a welfare home or other proper care facility.
- JKM Children's Home
- Community-based care (e.g. temporary foster family)

**Number of abandoned children**

| Year | Number |
|---|---|
| 2023 | 3064 |
| 2024 | 4126 |
| 2025 | 34 (as of Aug) |

**Number of adopted children**

| Year | Number |
|---|---|
| 2023 | 255 |
| 2024 | 178 |
| 2025 | 9 (as of Aug) |

Source: Welfare Department

The Star graphics

# The stark reality of abandoned children

**PETALING JAYA:** She was abandoned as a little girl but a married man found her and took her in. She grew up under his care, always believing he was her father.

But when he divorced, she was sent to an orphanage, confused and abandoned again.

Yet, she refused to give up. She worked hard, excelled in her SPM and is now pursuing her bachelor's degree. The pain of abandonment is behind her... almost.

She is one of the rare, luckier ones, says Prof Dr Isdawati Ismail

The stark reality of abandoned children in the country is that most are not getting adopted.

The big question is why?

The children's rights group Be My Protector vice-chairman said figures from the Welfare Department (JKM) show that many children are being left without families.

"There are several factors for this, including the stringent adoption procedures in Malaysia requiring strict eligibility criteria that many potential adoptive parents struggle to meet.

"Cultural and religious sensitivities further complicate the process, particularly for older children. Awareness is also limited; many Malaysians are either unfamiliar with the legal process or deterred by stories of lengthy bureaucratic hurdles.

"One area urgently needing attention is post-adoption monitoring. In Malaysia, once a child is adopted, there is limited follow-up by welfare officers."

Isdawati believes Malaysia should establish a structured post-adoption monitoring system, where trained JKM officers conduct home visits – initially every few months, then annually – to check on the child's well-being.

Such a framework would not only protect children but also provide adoptive families with guidance and support, she said.

Sharmila Sekaran, the chair of the Voice of the Children (VoC) advocacy group said it was imperative to understand the reason behind why children are abandoned, and to resolve some of the root causes.

"We need trained government social workers to address underlying issues by providing support for young/single mothers, crisis intervention services to help keep families together and children with disabilities.

"We also need to move towards family-based care as a priority, away from institutionalised care. Above all, we need to improve the child welfare system," she said.

Sharmila also pointed out that abandoned children come in all ages, but usually babies are the ones that get adopted. Most people are not keen on older children for various reasons, including inaccurate presumptions.

This also has to do with citizenship concerns because obtaining the papers is a long, emotional, arduous exercise, besides being expensive.

"The amendment to the Federal Constitution (on Citizenship) does not seem to have helped much. The law granting foundlings the automatic right to citizenship has been in existence for many years, but has not been applied," she said.

OrphanCare Foundation general manager Zakiah A Rahman said adoptive parents should not be afraid of adopting babies from baby hatches (including undocumented ones).

"We are seeing a lot of babies from the hatch being granted citizenship in 2024 and 2025," said Zakiah, adding that more babies are received through baby hatches than from birth mothers

She added that the 2024 amendments to citizenship applications for adopted children has resulted in OrphanCare seeing more abandoned babies being granted citizenship after adoption.

"OrphanCare does not keep babies, we make sure they find a home. We do not want the babies to go orphanages," she said.

Just this year, OrphanCare has received 41 babies, 23 from hatches and 18 from biological mothers. Since 2020, 193 babies have been adopted from OrphanCare.

Home Minister Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail has pledged to resolve all pending citizenship applications by this October.

In December, he said the ministry had reviewed a total of 32,408 citizenship applications over the past two years, many of which had been pending for over five years.

# Kelantan family board blames influencers for fuelling child-free trend among young couples




Kelantan National Population and Family Development Board (LPPKN) has raised concern over childfree couples in the state. — Picture by Sayuti Zainudin

**By Malay Mail**
*Thursday, 21 Aug 2025 9:45 AM MYT*

KOTA BHARU, Aug 21 — Kelantan National Population and Family Development Board (LPPKN) has reportedly criticised the child-free marriage trend among young couples in Kelantan, blaming it on social media influencers for popularising it.

Despite admitting there is no official data yet on the number of couples adopting the trend, its director Haslinda Hassan however insisted that it has spread quickly after being promoted online.

"What is more worrying is that this trend is being promoted without any solid foundation, and society today tends to treat influencers as a source of guidance.

"Undeniably, this is very concerning, especially with the country's Total Fertility Rate (TFR) continuing to decline," she was quoted saying by Utusan Malaysia.

Haslinda explained that Kelantan's TFR is still relatively high at 2.7 compared to the national figure of 1.7, but the child-free marriage trend could eventually affect the state's numbers.

She said financial pressures were also a factor in newlyweds choosing not to have children, a situation that may hasten Malaysia's shift into an ageing society similar to Singapore and neighbouring nations.

She stressed that the board is worried about the long-term impact if the ideology continues to influence the younger generation.

According to her, many young couples today prioritise career growth and prefer to keep their families small, which in turn could drag down the country's fertility rate further.

Last year, Deputy Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Noraini Ahmad said while the decision to have children is a personal choice, Putrajaya encourages married couples to consider having children.

She outlined the support available to couples, including childcare fee subsidies of RM180 per child for children under four, provided to eligible public servants. The household income limit for these subsidies has also been increased to RM7,000.



FAIRUL Nizam ketika menyantuni penerima sumbangan Masyarakat Di Hati MPAG bersempena WRUR DUN Rembia. Foto Iqmal Haqim Rosman

# PERMUDAH BANTUAN KEBAJIKAN, PASTIKAN TIADA YANG TERCICIR DI REMBIA

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
KHAMIS, 21 OGOS 2025 @ 11:55

REMBIA 21 Ogos – Aspek kebajikan rakyat menjadi antara agenda utama yang diberi perhatian dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia dalam memastikan tiada rakyat yang memerlukan terpinggir atau tercicir daripada menerima bantuan.

Penyelaras DUN Rembia Datuk Fairul Nizam Roslan berkata, antara kaedah pengurusan bantuan kebajikan yang dipraktikkan di Rembia adalah mewujudkan satu pangkalan data yang mengumpulkan maklumat daripada pemimpin masyarakat seperti Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Ahli Majlis dan badan bukan kerajaan (NGO).

Jelas beliau, maklumat itu menjadi asas utama sebaik sahaja menggalas amanah menyalaras DUN Rembia sehinggakan sebanyak lebih 900 keluarga yang memerlukan bantuan kebajikan di DUN berkenaan berjaya dikumpulkan dan dimajukan permohonannya kepada jabatan dan agensi terlibat.

"Ini adalah hasil pemutihan yang saya lakukan bersama pemimpin setempat untuk turun padang dan mencari rakyat yang memerlukan bantuan. Daripada 900 yang dikumpulkan, ada permohonan ditolak kerana tidak mengikut kriteria, namun kebanyakannya diluluskan bantuan.

"Malah, bersempena program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Rembia ini, kita terus mempergiatkan usaha mencari mereka yang memerlukan dan berjaya mengumpulkan 80 keluarga daripada lapan JPKK yang ada di DUN Rembia ini.

"Alhamdulillah daripada jumlah itu kita berjaya membantu lebih 60 peratus daripada keluarga ini untuk mendapatkan bantuan kebajikan am, bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) dan lain-lain lagi," katanya.

Beliau yang juga Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri berkata demikian ketika wawancara khas bersama Melaka Hari Ini bersempena Program WRUR DUN Rembia.

Menurut Fairul Nizam, selain turun padang, pihaknya juga turut menerapkan kaedah pengurusan bantuan kebajikan secara lebih sistematik untuk masyarakat, di mana, mereka yang memerlukan tidak perlu ke pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebaliknya hanya datang ke Japerun Rembia untuk dibantu.

Ujar beliau, kaedah itu disifat lebih memudahkan rakyat kerana semua permohonan akan dikumpulkan dan selepas itu Pegawai JKM akan datang sendiri ke Japerun untuk menemu ramah pemohon dan menjalankan siasatan ke rumah sekiranya perlu.

"Setakat ini, kaedah yang dipraktikkan ini amat membantu dan lebih memudahkan urusan pemohon tanpa perlu menunggu lama berbanding berurusan sendiri di Pejabat JKM," katanya.



LAWATAN JKM Melaka ketika menyantuni Awa Minhat yang menjaga enam cicit sejak kecil di Kampungku Sayang, Bukit Piatu.

# JKM Melaka beri bantuan bulanan kepada moyang jaga enam cicit

MOHD FAIZ ABU HASAN
SABTU, 9 APRIL 2022 @ 17:55

BUKIT KATIL 9 April – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka bakal memberikan bantuan bulanan bagi membantu kepayahan hidup seorang warga emas, Awa Minhat, 79 yang membesarkan enam cicit di Kampungku Sayang, di sini.

Pengarah JKM Melaka, Burhanuddin Bachik berkata, hasil turun padang wakil JKM Melaka bagi menyantuni keluarga terbabit kelmarin mendapati keluarga berkenaan layak menerima bantuan bulanan berdasarkan kesusahan yang dialami.

"Tindakan awal JKM Melaka telah diambil hasil lawatan kelmarin dengan melakukan penyerahan sumbangan barangan makanan serta bantuan Tabung Bantuan Segera berjumlah RM200.

"JKM turut akan mempertimbangkan Bantuan Kanak-kanak berjumlah RM600 sebulan di atas nama moyangnya bermula Mei depan sehingga April 2023 setelah melengkapi borang permohonan berkenaan," katanya.

Terdahulu, kisah Awa yang menjadi 'ibu dan bapa' kepada enam cicitnya berusia 7 hingga 19 tahun telah disiarkan Melaka Hari Ini.

Enam cicitnya itu tidak dapat merasai belaian kasih sayang insan digelar ibu dan bapa selepas berlaku keretakan rumah tangga.

Ibu kanak-kanak malang itu kini sudah berkahwin lain, manakala bapa mereka pula sedang menjalani hukuman di Penjara Lipat Kajang, Jasin.

# KL ramps up efforts to tackle homelessness

By Kalbana Perimbanayagam - August 21, 2025 @ 8:01am




The National Social Council (MSN) had also approved a series of interventions to improve the placement of homeless individuals with mental health conditions. - NSTP FILE PIC

KUALA LUMPUR: The government has stepped up efforts to address homelessness and begging in the capital, including providing treatment for homeless individuals suffering from mental health conditions.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa told the Dewan Rakyat today that the Federal Territories Department (JWP) established the KL Strike Force: Homelessness committee on May 27 last year to tackle the issue.

The committee is led by the Federal Territories Social Welfare Department (JKMWPKL) and comprises representatives from JWP, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), the Health Ministry (MoH), police, National Security Council, Immigration Department, National Registration Department, National Anti-Drug Agency, Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation (SWCorp), the National Welfare Foundation (YKN) and several non-governmental organisations.

"For 2025, the KL Strike Force carried out five integrated operations involving 444 individuals. Of this number, 184 were dealt with by enforcement agencies under their respective Acts.

"Homeless individuals found begging in public areas were referred to JKMWPKL, while those with mental health issues were referred to MoH for treatment at public health clinics," she said in response to Fong Kui Lun (PH-Bukit Bintang).

Dr Zaliha added that the remaining homeless individuals were advised to seek temporary shelter at centres such as the Anjung Kembara Homeless Transit Centre and the Medan Tuanku Homeless Service Centre, both of which provided meals three times a day with NGO support.

She said the National Social Council (MSN) had also approved a series of interventions to improve the placement of homeless individuals with mental health conditions.

"These include regular MoH visits to welfare institutions to expedite the discharge of mental health patients, the establishment of an enforcement unit under the Mental Health Act 2001, and an increase in the number of gazetted psychiatric nursing care homes for patient placement."

Dr Zaliha said job-matching programmes were also being implemented in collaboration with YKN, the Labour Department and Socso to help the homeless reintegrate into society.

"This includes interview sessions with potential employers and assistance in preparing CVs to improve their chances of securing employment," she said.



Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari.

# 56 peratus wanita alami diskriminasi di tempat kerja – Anfaal

Muzamir Ismail

PUTRAJAYA – Seramai 56 peratus wanita di negara ini berdepan diskriminasi di tempat kerja, kata Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari.

Beliau berkata, situasi itu menunjukkan keperluan kepada dasar lebih inklusif termasuk pelaksanaan kerja waktu anjal (flexible working arrangement) bagi memastikan wanita tidak terus dipinggirkan.

"Wanita sering dianggap pekerja yang banyak bercuti sehingga menjejaskan prestasi mereka. Polisi kerja anjal perlu dijadikan satu dasar supaya wanita mempunyai ruang lebih adil dalam kerjaya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Pemerkasaan Wanita anjuran mahasiswa Graduate School of Business (GSB) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Pusat Komuniti Presint 16, di sini, hari ini.

Dalam pada itu Anfaal berkata, laporan jurang gender juga menunjukkan Malaysia masih ketinggalan dalam aspek penyertaan wanita dalam pekerjaan dan ekonomi, walaupun pencapaian dalam sektor pendidikan dan kesihatan berada pada tahap baik.

# Orientasi: Antara normalisasi buli dan harapan perubahan

Kolum - Dicipta: 21 Ogos 2025 11:16 AM



*Pelajar bersemangat mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Perasmian Minggu Orientasi Siswa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia/Arkib BERNAMA*

SAUDARA PENGARANG

Sejak kebelakangan ini, isu buli kembali hangat diperkatakan di Malaysia, khususnya melibatkan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT). Isu ini bukanlah baharu. Saban tahun ada sahaja pelajar baharu yang menjadi mangsa sama ada melalui ejekan, hukuman tidak munasabah, atau penderaan emosi yang meninggalkan kesan jangka panjang. Sebahagian besar insiden ini berlaku ketika program orientasi pelajar baharu, sama ada di sekolah berasrama, mahupun IPT.

Program orientasi, yang sepatutnya menjadi pintu masuk mesra untuk membantu pelajar menyesuaikan diri, bertukar menjadi pengalaman ngeri bagi pelajar yang sedang melangkah ke fasa kehidupan baru. Denda, tekanan, dan penghinaan sering dibungkus dengan alasan kononnya untuk melatih ketahanan mental atau mengeratkan hubungan.

Dari sudut teori psikologi pendidikan, memang benar hukuman merupakan salah satu strategi behaviourisme yang boleh mengubah tingkah laku dalam jangka pendek. Namun, jika dilaksanakan keterlaluan dan tanpa konteks yang munasabah, ia bukan sahaja gagal mendidik, tetapi menjadi buli sistemik yang diberi konotasi positif untuk menjustifikasi dominasi dan merendahkan junior.

Akibatnya, orientasi yang sepatutnya inklusif berubah menjadi pentas hierarki toksik, mewariskan trauma, kebencian, dan mematahkan semangat pelajar dari satu generasi ke generasi lain. Lebih serius, ia mencalarkan imej institusi pendidikan sebagai tempat yang sepatutnya selamat dan inklusif.

Bagaimana kita mahu melahirkan generasi yang mampu menangani isu besar dunia seperti perubahan iklim atau ketidaksamaan sosial, jika ruang belajar mereka sendiri masih dipenuhi budaya buli yang dianggap normal?

Lebih membimbangkan, budaya sebegini didapati masih berlaku dalam beberapa program orientasi pelajar baharu baru-baru ini. Situasi ini menunjukkan walaupun isu buli sering sedang menjadi perhatian media, solidariti di platform sosial, dan komitmen pihak berautoriti, hakikatnya tidak banyak berubah.

**September–Oktober Kayu Ukur Perubahan**

Di sinilah harapan besar diletakkan terhadap sesi orientasi yang bakal berlangsung pada bulan September dan Oktober ini yang merupakan tempoh kemasukan kohort pelajar baharu seterusnya di IPT. Inilah masa paling kritikal untuk membuktikan sama ada IPT benar-benar tekad melakukan perubahan drastik.

Jika tidak, budaya lapuk ini akan terus berjangkit ke program orientasi sekolah pada tahun hadapan. Solidariti masyarakat di media sosial perlu diterjemahkan kepada dasar dan amalan konkrit. Program orientasi seharusnya mengangkat maksud yang lebih mendalam.

Apa yang sepatutnya diberi tumpuan? **Pertama**, pelajar baharu perlu didedahkan dengan maklumat asas tentang kampus. Misalnya, lokasi fakulti, perpustakaan, pusat kesihatan, dewan kuliah, pejabat pentadbiran, dan kemudahan-kemudahan lain. Maklumat sebegini sangat penting untuk membantu mereka menguruskan kehidupan seharian secara berdikari, tanpa perlu terlalu bergantung kepada rakan atau warden.

**Kedua**, program orientasi juga boleh menjadi wadah memperkenalkan pelajar kepada peraturan kampus, sistem akademik, serta pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan. Contohnya, sistem pembelajaran digital, kaunseling, bantuan kewangan, dan juga aktiviti kokurikulum. Semua ini adalah maklumat asas yang sangat diperlukan, tetapi malangnya sering tidak diberikan penekanan secukupnya.

**Ketiga**, perketat pemantauan orientasi secara proaktif, menggubal garis panduan yang menekankan kesejahteraan serta maruah pelajar, dan menyediakan sistem laporan selamat tanpa stigma atau risiko balas dendam.

**Pengajaran dari Negara Luar**

Negara seperti Australia dan United Kingdom sudah lama memperkenalkan kod etika pelajar yang menjadikan keselamatan dan maruah pelajar sebagai teras orientasi, bukan adat yang mengaibkan. Banyak universiti di sana menjadikan minggu orientasi sebagai ruang integrasi komuniti sama ada melalui projek khidmat masyarakat, kempen kesihatan mental, atau aktiviti sukarela.

Berdasarkan pengalaman di United Kingdom pula, minggu orientasi pelajar baharu berfokus kepada integrasi sosial dan akademik. Pelajar diberi peluang mencuba pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh kelab dan persatuan mengikut fokus utama masing-masing, seperti sukan, seni, debat, aktiviti kesukarelawanan, dan bengkel kemahiran hidup.

Dari situ, pelajar boleh memilih kelab atau persatuan yang sesuai dengan minat mereka. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar menyesuaikan diri, malah mendorong pembinaan komuniti yang inklusif dan menyokong.

Pendekatan sebegini boleh kita teladani. Bayangkan jika orientasi di sekolah dan IPT tempatan turut memberi peluang kepada pelajar baharu untuk merasai pengalaman sebenar aktiviti persatuan dan kelab. Ia bukan sahaja menyeronokkan, malah memberi pendedahan awal tentang kepelbagaian pilihan yang ada di kampus.

Selain itu, orientasi juga wajar disesuaikan dengan keperluan konteks setempat. Sebagai contoh, bagi sekolah dan IPT yang terletak di bandar besar seperti Kuala Lumpur, boleh memasukkan elemen pengenalan kepada sistem pengangkutan awam. Ramai pelajar baharu datang dari luar bandar dan tidak biasa dengan kehidupan kota. Ada yang tidak pernah tinggal di asrama sebelum ini, dan ibu bapa pastinya bimbang tentang kemampuan anak mereka untuk berdikari.

**Mengubah Naratif Orientasi**

Sudah tiba masanya kita mengubah naratif orientasi di Malaysia. Orientasi tidak boleh lagi sinonim dengan jeritan fasilitator, hukuman berlebihan, atau aktiviti "tradisi" yang sebenarnya menormalisasi buli. Ia mesti kembali kepada roh sebenar pendidikan, iaitu mendidik, mengalu-alukan, dan membentuk identiti pelajar sebagai warga akademik yang beretika, inklusif, dan bertanggungjawab.

Aktiviti yang menekankan kerjasama, kepimpinan, kesukarelawanan, dan nilai kemanusiaan harus menggantikan amalan lapuk. Kita mahu pelajar yang berani bersuara, aktif dalam komuniti kampus, dan mampu menyesuaikan diri dengan cabaran akademik serta kehidupan moden.

Harapan ini bukan retorik kosong. Ia lahir daripada desakan bahawa isu ini sudah berlarutan terlalu lama. Program orientasi dalam masa terdekat akan menjadi kayu ukur penting. Adakah kita sekadar berpuas hati dengan kecaman di media sosial, atau benar-benar ingin menyaksikan transformasi dalam pelaksanaan dan tindakan?

Jika kita gagal bertindak sekarang, kita sedang menghantar isyarat berbahaya kepada generasi muda bahawa buli boleh diterima walhal ia sepatutnya dihentikan serta-merta.

*Artikel ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan mahu pun pendirian rasmi RTM.*



Dr. Sharifah Intan Sharina Syed Abdullah
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
e-mel: sharifahintansharina@upm.edu.my

# Kenali bahaya senyuman si pembuli elak jadi mangsa



MENGENALI ciri-ciri personaliti pembuli menjadi langkah penting dalam mencegah berlakunya penderaan emosi yang berpanjangan. – ILUSTRASI AI

Oleh Meja Rencana 21 Ogos 2025, 9:00 am

Nama Zara Qairina Mahathir kini terpahat dalam ingatan rakyat Malaysia sebagai simbol kebimbangan terhadap keselamatan dan kesejahteraan pelajar. Walaupun punca sebenar kematiannya masih dalam siasatan, insiden tragis ini membuka mata masyarakat terhadap potensi bahaya tekanan emosi dan isu buli yang mungkin tersembunyi dalam persekitaran pendidikan.

Sehingga Oktober 2024, Kementerian Pendidikan (KPM) merekodkan 6,208 kes buli pelajar sekolah di seluruh negara menerusi Sistem Sahsiah Diri Murid (SDM).

Kita sering terlepas pandang pembuli tidak semestinya tampil dengan sifat kasar atau ganas secara terang-terangan. Ramai daripada mereka kelihatan biasa seperti seorang pelajar cemerlang, rakan yang peramah atau individu disegani dalam kalangan rakan sebaya. Namun di sebalik senyuman itu, wujud kecenderungan untuk mendominasi, mengawal dan menjatuhkan orang lain secara halus.

Justeru, mengenali ciri-ciri personaliti pembuli menjadi langkah penting dalam mencegah berlakunya penderaan emosi yang berpanjangan.

Hasil kajian antarabangsa pada 2022 mendapati pembuli boleh dikategorikan kepada tiga jenis utama iaitu verbal, siber dan fizikal atau terang-terangan.

Pembuli verbal lazimnya menjatuhkan mangsa melalui ejekan, penghinaan atau memulaukan secara halus. Manakala, pembuli siber pula mengambil kesempatan melalui platform digital seperti media sosial dan aplikasi mesej dengan menyebar kandungan menghina atau ugutan secara tanpa nama. Sementara itu, pembuli fizikal lebih cenderung bertindak kasar secara langsung seperti menolak, memukul atau mengugut secara terbuka. Kajian itu juga menunjukkan setiap jenis pembuli ini mempunyai kaitan tersendiri dengan masalah kesihatan mental.

Ada juga dalam kalangan pembuli yang menunjukkan ciri-ciri narsistik, iaitu merasakan diri lebih hebat dan berhak memperlekehkan orang lain. Dalam sesetengah kes, pembuli sendiri datang daripada latar belakang bermasalah seperti pernah menjadi mangsa penderaan atau kurang perhatian di rumah. Personaliti sebegini boleh mendorong mereka untuk memindahkan tekanan atau kemarahan terhadap individu lain yang dianggap lemah.

Sebagai langkah pencegahan awal yang selari dengan keperluan memahami pembuli, anak-anak perlu didedahkan dengan pengetahuan untuk mengenali personaliti pembuli sejak di bangku sekolah lagi. Pendidikan tentang ciri-ciri dan tingkah laku pembuli perlu disampaikan secara konsisten melalui sesi bimbingan, modul kendiri dan kempen kesedaran agar mereka dapat mengenal pasti tanda-tanda awal sebelum menjadi mangsa.

Usaha menggalakkan pelajar untuk tampil melaporkan insiden buli perlu diperkasakan dengan mewujudkan persekitaran yang selamat dan bebas stigma. Pelajar harus diyakinkan yang laporan mereka akan dilayan secara serius, sulit dan tanpa risiko balas dendam. Guru, kaunselor dan pihak pentadbiran perlu dilatih untuk memberikan sokongan emosi serta perlindungan sewajarnya kepada mangsa.

Platform seperti peti aduan rahsia, aplikasi aduan digital atau sistem rakan sebaya boleh menjadi medium alternatif yang mesra pelajar. Lebih penting lagi, budaya sekolah mesti dibina atas asas empati, hormat dan keberanian untuk menegur ketidakadilan. Apabila pelajar percaya suara mereka didengari dan dilindungi, maka keberanian untuk melaporkan buli akan tumbuh, sekali gus memperkukuh benteng keselamatan sosial dalam kalangan generasi muda.-UTUSAN




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | MINISTRY ISSUES ANTI-BULLYING GUIDELINES | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT : | 06 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

ZERO-TOLERANCE POLICY

# Ministry issues anti-bullying guidelines

NEW STRAITS TIMES
HEARD THE NEWS?
Read with me
SCAN ME

**PUTRAJAYA:** The Health Ministry has launched workplace bullying management guidelines as part of its zero-tolerance policy against bullying.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the guidelines outlined clear procedures for reporting, investigating and addressing bullying cases fairly and transparently.

He said bullying was not just an individual issue, but a systemic problem that could undermine organisational integrity, demoralise teams and compromise patient care.

"The guidelines, developed by the National Centre of Excellence for Mental Health, are more than an administrative framework. They represent a cultural shift within the ministry towards empathy, professionalism and support," he said.

"The guidelines provide department heads and staff with detailed procedures for identifying bullying behaviour, reporting and investigating complaints, as well as resolving cases with fairness, transparency and effectiveness.

"One of the key initiatives supporting the guidelines is the Bullying Complaint Management System (MyHELP), established in 2022 following recommendations from the Healthcare Work Culture Improvement Task Force.

"It allows complaints to be lodged directly with the ministry's Integrity Unit."

Dzulkefly said the guidelines complemented several initiatives aimed at improving workplace culture and staff well-being, including flexible working hours to reduce fatigue and peer support teams under the Public Service Peer Guidance Associates programme.

"It also complements the placement of counselling units at headquarters and state health departments, as well as the HEAL 15555 hotline, which operates daily, including public holidays, providing immediate emotional and psychosocial support."

He said the ministry would distribute the guidelines to all its facilities nationwide and continuously monitor their implementation.

Dzulkefly said the ministry recorded 430 complaints of workplace bullying between Oct 1, 2022, and July 31 this year, with four cases under investigation.

He said the ministry took a firm stance against bullying, stressing that any form of misconduct within its institutions would not be tolerated.

"Each complaint matters, and bullying should never be normalised. We will not tolerate complacency or negligence, especially among heads of department.

"I do not want to hear of under-reporting."

He added that every case received via the MyHELP platform was investigated thoroughly, based on principles of justice and transparency, while safeguarding the confidentiality of whistleblowers and victims.

"Those reporting must feel safe, and I am very conscious of this. I am fully aware of the concerns they may have regarding whether their privacy will truly be protected.

"I want to ensure that under our practices and within these guidelines, there are clear responsibilities to safeguard the privacy of those who lodge complaints," he added.

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

MALAYSIA MADANI

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KETEGASAN DALAM KASIH SAYANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

MENANGANI ANAK TERJEBAK BULI

## *Ketegasan dalam kasih sayang*



Bersama **Hasri Harun**

Buli dalam kalangan murid di sekolah dan remaja pada hari ini bukan sesuatu yang baharu, namun isu ini semakin mendapat perhatian serius dalam masyarakat kerana kesannya yang mendalam terhadap kesejahteraan pelajar dan keharmonian sekolah.

Akhir-akhir ini, perhatian lebih banyak diberikan kepada mangsa buli yang menderita tekanan fizikal dan emosi. Namun begitu, aspek pembuli juga tidak boleh diabaikan kerana mereka adalah sebahagian daripada masalah dan dalam masa sama perlu menjadi sebahagian daripada penyelesaian.

Seseorang anak tidak tiba-tiba menjadi pembuli tanpa faktor tertentu yang mendorong mereka, sama ada pengaruh persekitaran, kekurangan kawalan emosi atau kelemahan dalam asuhan keluarga.

Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam menangani anak yang terbabit sebagai pembuli. Mungkin dengan pendedahan diluar sekolah, potensi menjadi pembuli itu amat besar.

Semua sedia maklum bahawa ibu bapa adalah pendidik utama yang bertanggungjawab mencorakkan keperibadian anak-anak termasuk jasmani, emosi dan spiritual.

Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda bermaksudnya: "Tidaklah dilahirkan seorang anak itu melainkan dia lahir dalam keadaan fitrah. Maka kedua-dua ibu bapanya yang menjadikannya beragama Yahudi atau menjadikannya beragama Nasrani atau menjadikannya beragama majusi." **(Hadis Riwayat Muslim)**

Jika ibu bapa gagal melaksanakan peranan ini, anak berpotensi menyalurkan emosi dengan cara yang salah, antaranya membuli rakan sebaya. Peranan ibu bapa bukan sekadar menghukum anak apabila mereka didapati membuli, tetapi lebih daripada itu memahami punca, memberi bimbingan dan mendidik dengan penuh kasih sayang.

> Peranan ibu bapa bukan sekadar menghukum anak apabila mereka didapati membuli, tetapi lebih daripada itu memahami punca, memberi bimbingan dan mendidik dengan penuh kasih sayang

Peranan ibu bapa dalam menangani anak sebagai pembuli dari aspek pendidikan akhlak, komunikasi, teladan, kerjasama dengan pihak sekolah serta pembentukan persekitaran keluarga yang positif amat penting bagi mengurangkan sikap negatif dan wujudnya budaya buli dalam kalangan anak-anak.

Justeru, selain dari itu pendidikan dalam rumah harus dimulakan supaya budaya ini tidak keluar dan menyebabkan mangsa kepada orang lain.

### Peranan ibu bapa

Peranan ibu bapa adalah penting untuk memahami faktor yang menyebabkan anak menjadi pembuli. Kurang perhatian dan kasih sayang di rumah adalah antara punca utama.

Anak yang rasa terabai cenderung melampiaskan perasaan dengan menyakiti orang lain untuk mendapat perhatian. Begitu juga pengaruh persekitaran tidak dapat dielakkan menjadi punca.

Anak kadangakala meniru tingkah laku kasar daripada ibu bapa, ahli keluarga atau media sosial yang sering memaparkan budaya ganas. Betapa sikap di rumah yang diperlihatkan oleh anak-anak juga boleh menjadi punca sikap buli dilampias diluar rumah.

Selain itu, masalah harga diri juga menyumbang kepada buli. Anak yang rendah keyakinan cuba menutupi kelemahan dengan menunjukkan kuasa melalui buli.

Memahami faktor ini penting supaya ibu bapa dapat memilih pendekatan terbaik mendidik dan membimbing anak. Imam Ibnu Hajar al-Haitami ada menyebutkan jika ibu bapa bertakwa kepada Allah SWT, nescaya Allah SWT akan mengurniakan kebaikan dan mempermudah kan segala urusan zuriat mereka dengan memberi keberkatan serta petunjuk dalam kehidupan zuriatnya

### Menangani anak pembuli

**• Menerima realiti dengan hati terbuka**

Apabila diberitahu bahawa anak mereka terbabit sebagai pembuli, kebanyakan ibu bapa cenderung menafikan atau mempertahankan anak tanpa menyiasat terlebih dahulu. Sikap ini hanya akan memburukkan keadaan.

Ibu bapa perlu berlapang dada menerima teguran guru atau laporan mangsa, kemudian berbincang secara tenang dengan anak. Penerimaan realiti adalah langkah pertama yang penting sebelum sebarang tindakan susulan diambil.

Tanggungjawab kita adalah memahami pembesaran anak-anak dan tidak membiarkan mereka membesar tanpa bimbingan kita dan agama. Amat bimbang harus ada jika zuriat kita mengundang kemurkaan Allah.

Firman Allah SWT bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka." **(Surah al-Tahrim, ayat 6)**

**• Memberi didikan akhlak dan nilai agama**

Ibu bapa wajib menanam nilai agama dalam jiwa anak sejak kecil kerana agama adalah benteng yang paling kukuh daripada perbuatan zalim. Islam menegaskan larangan menyakiti orang lain.

Firman Allah SWT: "Dan janganlah kamu mencerca sesama kamu dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk." **(Surah al-Hujurat, 49:11).**

Pendidikan agama yang kukuh mengajar anak bahawa membuli adalah perbuatan dosa kerana menyakiti hati manusia. Dengan asas agama, anak lebih berhati-hati dalam pergaulan dan tindakan.

**• Menjadi teladan yang baik**

Anak-anak meniru apa yang mereka lihat. Jika ibu bapa sering meninggikan suara, mengeluarkan kata-kata kasar atau suka merendahkan orang lain, anak-anak juga akan meniru sikap terbabit.

Maka, ibu bapa perlu menunjukkan teladan akhlak mulia, bertutur dengan sopan, sabar, menghormati jiran dan guru supaya anak menjadikannya panduan.

Rasulullah SAW sendiri menjadi contoh teladan terbaik dengan akhlak lemah lembut, sekalipun terhadap musuhnya. Hendaklah ibu bapa mengajak anak-anak berbuat kebaikan dan menerapkan kefahaman kepada anak-anak.

Firman Allah dalam Surah Luqman: Maksudnya: "Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya." **(Surah Luqman :17)**

**• Membetulkan tingkah laku dengan tegas, tetapi berkasih sayang**

Ibu bapa tidak boleh membiarkan perbuatan buli berlalu tanpa tindakan. Anak perlu ditegur dengan jelas bahawa membuli adalah salah dan berdosa.

Namun, teguran harus disampaikan dengan cara yang mendidik, bukan dengan kekerasan melampau yang hanya menambah dendam.

Hukuman berbentuk disiplin boleh diberikan, contohnya mengurangkan waktu bermain gajet, tetapi dalam masa sama sertakan penjelasan mengapa hukuman itu dilaksanakan.

Pendekatan tegas, tetapi berkasih sayang memberi kesedaran tanpa menimbulkan kebencian.

**• Membina empati dan kemahiran sosial**

Ibu bapa boleh melatih anak berfikir dari sudut pandang orang lain. Misalnya bertanya, "Bagaimana kalau kamu dipukul atau diejek begitu?" Soalan sebegini mengajar anak untuk berfikir sebelum bertindak. Selain itu, ibu bapa boleh mendorong anak terbabit dengan aktiviti sukarelawan, gotong-royong atau membantu jiran.

Aktiviti sebegini melatih mereka menghargai perasaan orang lain serta membina kemahiran sosial yang lebih positif.

**• Bekerjasama dengan sekolah dan kaunselor**

Anak yang menjadi pembuli tidak boleh dipulihkan hanya dengan usaha ibu bapa seorang diri. Mereka perlu bekerjasama dengan guru, kaunselor dan pihak sekolah.

Melalui kerjasama ini, tindakan susulan boleh diambil seperti sesi kaunseling, program motivasi atau aktiviti bina diri. Sekolah juga boleh membantu memantau perkembangan tingkah laku anak.

Kesimpulannya, peranan ibu bapa sangat besar dalam menangani anak yang menjadi pembuli. Mereka perlu menerima kenyataan dengan hati terbuka, mendidik dengan nilai agama, menjadi teladan yang baik, berkomunikasi secara berkesan, memberi teguran yang tegas tetapi penuh kasih sayang, membina empati, memantau media sosial serta bekerjasama dengan pihak sekolah.

Anak yang menjadi pembuli bukan musuh, sebaliknya amanah Allah yang memerlukan bimbingan. Jika ibu bapa melaksanakan peranan dengan bijak, anak-anak ini boleh berubah menjadi insan penyayang dan berakhlak mulia.

Hasilnya, budaya buli dapat dibanteras dan generasi muda akan membesar dalam suasana penuh kasih sayang, saling menghormati dan saling menghargai sesama insa.

**Penulis Pensyarah Kanan UNISEL dan Timbalan Presiden Wadah**

**AL-HAQ**

*Sehari sepotong ayat*

**"Wahai Bani Israil, kenanglah akan limpah kurnia nikmatKu yang telah Kuberikan kepada kamu, dan Aku telah melebihkan (datuk nenek) kamu (yang taat dahulu) atas umat-umat yang lain (yang ada pada zamannya)."**

(Surah al-Baqarah, ayat 122)

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | COURT FOR CHILDREN PROCEEDINGS CLOSED TO PUBLIC | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | THE SUN |
| TARIKH : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT : | 05 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Court for Children proceedings closed to public

**KUALA LUMPUR:** Proceedings in the Court for Children, unlike regular courts, are conducted behind closed doors to safeguard the identity and welfare of minors while ensuring their right to a fair trial.

Only immediate family members, lawyers, DPPs and court staff are allowed inside during the proceedings. Access is denied to the public and media to protect the safety and confidentiality of the children involved.

Former Court of Appeal Judge Datuk Yaacob Md Sam said the Court for Children was established under Section 11 of the Child Act 2001 (Act 611), which defines children as those under the age of 18.

"Children accused of committing criminal offences will face charges under laws such as the Penal Code, but the cases will be registered and tried in accordance with Act 611.

"The identities of child offenders must not be revealed to the public by any party, including the media, as doing so constitutes an offence under Act 611."

Former magistrate Ahmad Shamil Azad said Section 15 of Act 611 prohibits the media from reporting the names, addresses or personal details of child offenders accused in court, or from publishing their photographs, as they are under the age of 18.

"The media is barred from covering proceedings inside the courtroom. Usually, in such cases, the media would wait for any statements from the family, their lawyer or the DPP once proceedings for the day are concluded."

Ahmad Shamil also said Section 90(1) of Act 611 stipulates that if a child is brought before a court, the charge and its nature must be explained to the child offender in simple language suitable to their age and level of maturity.

"If the child is represented by a lawyer, the responsibility to explain the charges may be delegated to the lawyer or parents if necessary, so that the child understands the charges and the options available.

"The court will then enquire whether the child wishes to plead guilty, and for subsequent proceedings, if the child is unrepresented, the court may assist by asking questions for the purpose of the trial."

Ahmad Shamil added that children must be accompanied by their mother or guardian throughout court proceedings and failure to appear may result in punishment under Section 88(2) of Act 611, which provides a maximum fine of RM5,000, imprisonment of up to two years, or both.

Former Kuala Lumpur magistrate Nur'Aminahtul Mardiah Md Nor said journalists must refrain from photographing child offenders in the Court for Children, even when proceedings are not in session. – Bernama

# Kes dera kanak-kanak: Pengasuh, suami dibebaskan

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI Follow

21 Ogos 2025 04:31pm




Sinar Harian sebelum ini melaporkan pasangan suami isteri itu direman tiga hari untuk siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001. Gambar kecil: Mohd Iqbal

SHAH ALAM - Pasangan suami isteri yang ditahan sebelum ini bagi membantu siasatan kes dera membabitkan seorang kanak-kanak lelaki berusia dua tahun di sebuah kediaman di Seksyen 16 di sini, dibebaskan dengan jaminan polis.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, siasatan kes berkenaan sedang dikemas kini untuk tindakan selanjutnya.

"Pengasuh berusia 37 tahun bersama suaminya berusia 40 tahun sebelum ini ditahan pada jam 11.22 malam Ahad lalu dan kedua-dua individu terbabit telah dibebaskan dengan jaminan polis.

"Siasatan sedang dikemas kini untuk dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya, sebarang perkembangan berkaitan kes akan dimaklumkan selepas arahan selanjutnya diterima," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan pasangan suami isteri warga tempatan itu direman selama tiga hari untuk siasatan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdahulu, seorang wanita bertindak membuat laporan polis setelah mendapati terdapat kesan lebam di muka anaknya setelah dihantar ke rumah pengasuh di sebuah pangsapuri di Seksyen 16, Shah Alam kira-kira jam 10 pagi, Khamis lalu.

Bagaimanapun pengasuh anaknya itu mendakwa kesan lebam tersebut berpunca daripada pergaduhan antara anaknya dengan mangsa, namun ibu kanak-kanak itu tidak mempercayainya sebelum membuat laporan polis.

Mangsa kemudian dibawa ke Hospital Shah Alam dan pegawai perubatan mengesahkan kecederaan yang dialami sebagai *Alleged Assaulted Sustained Soft Tissue Injury* di bahagian muka.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | SUAMI ISTERI TAK MENGAKU ABAI BUDAK HINGGA MAUT | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | BERITA HARIAN |
| TARIKH : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT : | 18 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Suami isteri tak mengaku abai budak hingga maut

## Ibu tiri, bapa kandung dituduh sebabkan anak alami kecederaan

Oleh Zaid Salim
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Sepasang suami isteri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan mengabaikan seorang budak lelaki berusia 22 bulan hingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal, sebelum meninggal dunia.

Tertuduh, Norazila Sharif Ahmad, 30, dan Mohammad Saiful Ikhwan Abdul Rahman, 27, mengaku tidak bersalah sebaik kertas pertuduhan dikemukakan kepada mereka secara berasingan di hadapan Hakim, Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli.

Mengikut pertuduhan, pasangan terdiri ibu tiri dan bapa kandung mangsa itu sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak berkenaan didakwa mengabaikannya sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.



*Norazila dan Mohammad Saiful Ikhwan dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.*
(Foto Ghazali Kori/BH)

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat Kampung Banggol, Manir, di sini, di antara Mac hingga 6 Ogos lalu.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga 20 tahun atau kedua-duanya sekali.

### Arah tak ganggu saksi

Berikutan pengakuan tidak bersalah setiap tertuduh, mahkamah membenarkan kedua-dua diikat jamin RM10,000 seorang oleh seorang penjamin dan menetapkan 24 September depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Tertuduh juga diarahkan untuk tidak mengganggu saksi dan melaporkan diri di Balai Polis Manir pada setiap bulan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nor Aisyah Mohamad, manakala tertuduh belum diwakili peguam.

Sebelum ini, media melaporkan seorang kanak-kanak maut dipercayai akibat pengabaian oleh bapa kandung dan ibu tirinya dalam kejadian di Kampung Banggol Manir, di sini.

Mangsa disahkan meninggal dunia pada jam 2.05 petang, di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

Kejadian terbongkar apabila seorang pegawai perubatan di Zon Merah HSNZ menerima pesakit dalam keadaan tidak sedarkan diri pada 6 Ogos lalu kira-kira jam 1 tengah hari.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA KANDUNG, IBU TIRI DIDAKWA SEBABKAN KECEDERAAN BAYI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa kandung, ibu tiri didakwa sebabkan kecederaan bayi

**Kuala Terengganu:** Suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas seorang bayi lelaki lelaki berusia satu tahun 10 bulan.

Tertuduh lelaki berusia 27 tahun dan isterinya berusia 30 tahun yang juga bapa kandung dan ibu tiri mangsa mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ke atas mereka secara berasingan.

Pasangan terbabit didakwa sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap bayi terbabit telah mengabaikan dengan menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan terbabit didakwa dilakukan di Kampung Banggol Manir di sini, antara Mac hingga 6 Ogos lalu.

Pasangan itu didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara selama 20 tahun atau denda sebanyak RM50,000 atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Aisyah Mohamad menawarkan ikat jamin sebanyak RM20,000 kepada kedua-dua mereka yang tidak diwakili peguam.

**Mahkamah menetapkan 24 September ini sebagai sebutan semula kes**

Bagaimanapun, tertuduh wanita memohon jaminan yang rendah kerana dia tidak bekerja manakala suaminya yang bekerja sebagai buruh juga merayu jaminan rendah memandangkan dia mempunyai seorang lagi anak berusia tiga tahun yang juga abang kepada mangsa selain kedua-dua ibu bapanya sudah uzur.

Mohd Zul Zakiqudin kemudian membenarkan tertuduh masing-masing diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin dan perlu melapor diri di Balai Polis Manir setiap bulan serta tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan 24 September ini sebagai sebutan semula kes bagi serahan dokumen dan lantikan peguam untuk kedua-dua suspek.

Sebelum ini dilaporkan seorang bayi lelaki meninggal dunia di sebuah hospital, selepas empat hari dimasukkan ke wad kerana disyaki didera bapa kandung dan ibu tirinya.

Ketua Polis Terengganu Datuk Mohd Khairi Khairuddin dipetik berkata, dari segi kecederaan mangsa terdapat kesan lebam di seluruh badan manakala hasil laporan bedah siasat pula mendapati berlaku pendarahan di kepala.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA KANDUNG, IBU TIRI DIDAKWA SEBABKAN KECEDERAAN FIZIKAL KANAK-KANAK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa kandung, ibu tiri didakwa sebabkan kecederaan fizikal kanak-kanak

**KUALA TERENGGANU:** Sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas seorang kanak-kanak lelaki berusia satu tahun 10 bulan.

Mohammad Saiful Ikhwan Abdul Rahman, 27, dan isterinya Nor Azila Sharif Ahmad, 30, yang merupakan bapa kandung dan ibu tiri mangsa, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ke atas mereka secara berasingan.

Pasangan itu didakwa sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak berumur setahun 10 bulan, telah mengabaikan kanak-kanak itu iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan di Kampung Banggol Manir di sini, antara bulan Mac tahun ini hingga 6 Ogos lepas.

Pasangan itu didakwa di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Aisyah Mohamad menawarkan ikat jamin RM20,000 kepada kedua-dua mereka yang tidak diwakili peguam.

Bagaimanapun Nor Azila memohon jaminan yang rendah kerana dia tidak bekerja dan merupakan anak tunggal serta ahli keluarganya tinggal di Kedah, manakala Mohammad Saiful Ikhwan yang bekerja sebagai buruh juga merayu jaminan rendah memandangkan dia mempunyai seorang lagi anak berusia tiga tahun yang merupakan abang kepada mangsa selain kedua-dua ibu bapanya telah uzur. — Bernama



**TERTUDUH: Sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di Kuala Terengganu, semalam, atas tuduhan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas seorang kanak-kanak lelaki berusia satu tahun 10 bulan.** — Gambar Bernama

# Bayi maut didera, pasangan suami isteri dituduh sebabkan kecederaan fizikal

BERNAMA



PASANGAN suami isteri dihadapkan di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, hari ini. FOTO Ghazali Kori

Kuala Terengganu: Pasangan suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas seorang bayi berusia satu tahun 10 bulan.

Tertuduh, bapa kandung dan ibu tiri mangsa yang berusia 27 dan 30 tahun, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan ke atas mereka secara berasingan.

Pasangan itu didakwa sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap seorang kanak-kanak berumur setahun 10 bulan, mengabaikan kanak-kanak itu iaitu dengan menyebabkan kanak-kanak itu mengalami kecederaan fizikal.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Kampung Banggol Manir di sini, antara Mac tahun ini hingga 6 Ogos lalu.

Pasangan itu didakwa mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun atau denda RM50,000 atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Aisyah Mohamad menawarkan ikat jamin RM20,000 kepada kedua-dua mereka yang tidak diwakili peguam.

Bagaimanapun tertuduh wanita - ibu tiri - memohon jaminan yang rendah kerana dia tidak bekerja dan anak tunggal serta ahli keluarganya tinggal di Kedah, manakala tertuduh lelaki - bapa kandung - yang bekerja sebagai buruh juga merayu jaminan rendah memandangkan dia mempunyai seorang lagi anak berusia tiga tahun yang juga abang kepada mangsa selain kedua-dua ibu bapanya uzur.

Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli kemudiannya membenarkan tertuduh masing-masing diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan mereka perlu melapor di Balai Polis Manir setiap bulan serta tidak dibenarkan mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan 24 September ini sebagai sebutan semula kes bagi serahan dokumen dan lantikan peguam untuk kedua-dua suspek.

Sebelum ini dilaporkan bayi berusia setahun 10 bulan meninggal dunia di sebuah hospital, selepas empat hari dimasukkan ke wad kerana disyaki akibat didera bapa kandung dan ibu tirinya.

Ketua Polis Terengganu Datuk Mohd Khairi Khairuddin berkata dari segi kecederaan mangsa terdapat kesan lebam di seluruh badan, manakala hasil laporan bedah siasat pula mendapati berlaku pendarahan di kepala.

**Disiarkan pada: Ogos 21, 2025 @ 12:58pm**

# Lelaki dipenjara 5 tahun, sebatan kerana cabul anak asuhan

21 Ogos 2025, 3:49pm




*Asran Mohd Tahir dipenjara lima tahun dan satu sebatan selepas didapati bersalah mencabul anak asuhan isterinya. FOTO NSTP*

**MUAR**: Seorang pekerja penyelenggaraan lebuh raya dipenjara lima tahun dan satu sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, selepas didapati bersalah atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap kanak-kanak perempuan yang diasuh isterinya, dua tahun lalu.

Hakim Sayani Mohd Nor membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes yang dihadapi tertuduh, Asran Mohd Tahir, 42.

Sayani berkata, keputusan dibuat selepas mahkamah meneliti serta mempertimbangkan keterangan saksi dan hujahan bertulis daripada kedua-dua pihak sepanjang perbicaraan.

Mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah, sekali gus mensabitkan tertuduh dengan kesalahan amang seksual.

Sehubungan itu, mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lima tahun dan satu sebatan terhadap tertuduh dengan hukuman berkuat kuasa dari tarikh dia ditahan pada 25 September 2023.

Selain itu, mahkamah turut memerintahkan tertuduh menjalani pengawasan polis selama setahun selepas selesai menjalani hukuman penjara.

Tertuduh yang juga bapa kepada dua anak didakwa melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang berada di bawah jagaan isterinya kerana ibu bapa mangsa bertugas di luar kawasan.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di Simpang Renggam, Kluang antara jam 11 pagi hingga 6.45 petang pada 19 September 2023.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Diyana Najihah Muhamed Fauzi manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Syafie Naim.

# Amang Seksual Anak Tiri: Tempoh Penjara Tukang Kimpal Dikurangkan

21/08/2025 07:20 PM



PUTRAJAYA, 21 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Rayuan hari ini memendekkan hukuman penjara seorang tukang kimpal daripada 24 tahun ke 16 tahun bagi empat kesalahan amang seksual terhadap anak tirinya.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Azman Abdullah membenarkan rayuan dikemukakan lelaki berusia 57 tahun itu dengan mengurangkan hukuman penjara daripada enam tahun kepada empat tahun bagi setiap pertuduhan.

Azman, yang bersidang bersama Datuk Mohamed Zaini Mazlan dan Datuk Noorin Badaruddin, turut mengarahkan hukuman dijalankan secara berasingan bermula pada tarikh lelaki itu ditahan iaitu 21 Mac, 2022.

Beliau berkata mahkamah mengakui keseriusan kesalahan yang dilakukan perayu bagaimanapun katanya, mahkamah bersetuju dengan peguam perayu bahawa hukuman penjara 24 tahun yang dikenakan oleh Mahkamah Sesyen terlalu membebankan dan prinsip keseluruhan perlu diambil kira.

Lelaki itu pada mulanya dijatuhkan hukuman penjara 24 tahun oleh Mahkamah Sesyen pada April 2022 selepas mengaku bersalah terhadap empat kesalahan amang seksual ke atas seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun pada masa kesalahan dilakukan. Mangsa kini berusia 15 tahun.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah rumah di daerah Padang Besar di Perlis beberapa kali iaitu pada Julai 2021, awal Dis 2021 dan hujung Dis 2021 serta 5 Mac 2022.

Tertuduh dan pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Tinggi bagi mencabar hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen itu namun pada Januari tahun lepas, Mahkamah Tinggi mengetepikan kedua-dua rayuan.

Pada prosiding di Mahkamah Rayuan hari ini, peguam perayu Mohamad Zaidan Daud menggesa mahkamah mempertimbangkan umur anak guamnya, menyatakan bahawa tempoh pemenjaraan yang panjang akan mempunyai *'crushing effect'* atau terlalu membebankan. Beliau turut memohon keempat-empat hukuman berjalan serentak iaitu anak guamnya hanya perlu menjalani enam tahun penjara.

Beliau berkata bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, tempoh pemenjaraan maksimum ialah 20 tahun justeru hujah beliau, hukuman 24 tahun itu melangkaui had yang dinyatakan di bawah undang-undang berkenaan.

Timbalan Pendakwa Raya Iznina Hanim Hashim mempersoalkan mengenai menjalani hukuman serentak, menekankan bahawa kesalahan itu ialah kejadian berasingan yang berlaku pada tarikh berbeza dan memerlukan hukuman berturut-turut.

Beliau seterusnya berhujah bahawa hukuman yang lebih berat sepatutnya dikenakan ke atas lelaki itu kerana kesalahan yang dilakukannya adalah menjijikkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JURUELEKTRIK DITUDUH CEDERAKAN 3 ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Juruelektrik dituduh cederakan 3 anak tiri



*Satiskumar dan Tharani tiba di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.*
(Foto Ahmad Hasbi/BH)

**Seremban:** Seorang juru pendawaian elektrik dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam, atas pertuduhan mencederakan tiga anak lelaki tirinya berusia di antara 15 hingga 19 tahun dengan menggunakan batang paip PVC pada minggu lalu.

Tertuduh, M Satiskumar, 44, mengaku tidak bersalah sebaik tiga pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Datin Surita Budin dan N Kanageswari, dalam dua kamar mahkamah berasingan.

Berdasar tiga pertuduhan itu, Satiskumar didakwa secara sengaja mencederakan tiga anak tirinya berusia 15, 16 dan 19 tahun dengan menggunakan paip PVC yang boleh menyebabkan kematian.

Perbuatan itu dilakukan oleh tertuduh di sebuah rumah dekat Taman Bukit Mutiara di sini kira-kira jam 5.30 pagi pada 15 Ogos lalu.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang bersama Seksyen 326A kanun sama, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

## Isteri didakwa cederakan anak

Sementara itu, isteri tertuduh, R Tharani, 39, mengaku tidak bersalah atas tuduhan mencederakan anak lelakinya yang berusia 16 tahun dengan sebilah pisau dalam kejadian di tempat dan masa sama dengan suaminya.

Suri rumah itu didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Norazihah Asmuni dan Siti Khairiah Abdul Razak, masing-masing menawarkan jaminan RM50,000 dan RM20,000 bagi setiap pertuduhan.

Norazihah memaklumkan kepada mahkamah bahawa mangsa mengalami *soft tissue injury*.

Satiskumar yang tidak diwakili peguam bela, dalam rayuannya memohon jaminan paling minimum kerana tiada lagi pendapatan selain statusnya sebagai orang kurang upaya (OKU).

"Saya seorang OKU, kaki saya langsung tidak boleh bengkok selepas terlibat kemalangan. Selama ini saya yang menjaga keluarga dan empat anak tiri (anak isteri)," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan Satiskumar dijamin sebanyak RM33,000 bagi tiga pertuduhan, manakala Tharani RM15,000 masing-masing dengan seorang penjamin.

Mahkamah menetapkan syarat tambahan kepada pasangan suami isteri itu supaya melapor diri di balai polis setiap bulan, menyerahkan pasport dan tidak mengganggu atau berhubung dengan saksi sehingga kes selesai.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 24 dan 29 September depan bagi proses lantikan peguam, serahan dokumen serta laporan perubatan.




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI DIDAKWA CEDERA 3 ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 22 OGOS 2025 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



PASANGAN suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan mencederakan tiga remaja lelaki.

**PERTUDUHAN GUNA PAIP PVC**

# *Lelaki didakwa cedera 3 anak tiri*

**Seremban:** Seorang lelaki didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan tiga anak tirinya berusia 15 hingga 19 tahun menggunakan sebatang paip polyvinyl chloride (PVC) pada minggu lalu.

Bagaimanapun, tertuduh berusia 44 tahun mengaku tidak bersalah selepas tiga pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Datin Surita Budin dan N Kanageswari di dua kamar mahkamah berasingan.

Mengikut pertuduhan, lelaki berkenaan didakwa dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap tiga anak lelaki tirinya berusia 15, 16 dan 19 tahun dengan menggunakan alat yang jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang mungkin boleh menyebabkan kematian iaitu sebatang paip PVC.

Kesemua kesalahan itu dilakukan jam 5.30 pagi di sebuah rumah di Taman Bukit Mutiara di sini, pada 15 Ogos lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan boleh dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu.

Sementara itu, isteri tertuduh berusia 39 tahun mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan mendatangkan kecederaan terhadap anak lelakinya berusia 16 tahun dengan menggunakan pisau yang mungkin boleh menyebabkan kematian jika digunakan sebagai senjata untuk menyerang.

Kesalahan itu dilakukan di lokasi dan masa yang sama dengan pendakwaan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan boleh dibaca bersama Seksyen 326A kanun yang sama.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Norazihah Asmuni dan Siti Khairiah Abdul Razak, masing-masing menawarkan jaminan RM50,000 dan RM20,000 bagi setiap pertuduhan.

Norazihah memaklumkan kepada mahkamah bahawa mangsa mengalami 'soft tissue injury'.

Tertuduh lelaki yang tidak diwakili peguam dalam rayuannya memohon jaminan paling minimum diberikan kerana dia tidak mempunyai pendapatan dan orang kelainan upaya (OKU).